

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA**

**KERTAS KERJA RANCANGAN PERNIAGAAN  
ASAS KEUSAHAWANAN**

**PROJEK :  
PERUSAHAAN PEMAMPAT TIN**

**DISEDIAKAN UNTUK :  
ENCIK ABDUL HAMEED MOHAMED MYDIN  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

- |                                      |                 |
|--------------------------------------|-----------------|
| <b>1. NOOR ALIDA BT. ABDUL SAMAD</b> | <b>94550830</b> |
| <b>2. ROSLINA BT. MOHD. KARIMUN</b>  | <b>93050497</b> |
| <b>3. SITI MAZURA BT. MOHD. ZAIN</b> | <b>94451819</b> |
| <b>4. ZALINAH BT. SAHAK</b>          | <b>94181496</b> |
| <b>5. ZAKIAH BT. ISMAIL</b>          | <b>94586645</b> |

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**5 C**

**30 OKTOBER 1996**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

6hb. Ogos 1996

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Roslina Mhd Karimun	93050497
2.	Zakiah Ismail	94586645
3.	Zalinah Sahak	94181496
4.	Siti Mazura Mohd Zain	94451819
5.	Noor Alida Abd Samad	94550830

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**JASMINE AHMAD**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM (05)  
Institut Teknologi Mara Melaka  
KM 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

10 OKTOBER 1996

En. Abdul Hameed B. Mohamed Mydin  
Pensyarah ETR 300  
Institut Teknologi Mara Melaka  
KM 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Assalamualaikum wbt.....

Tuan

#### LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas, kami dengan sukacitanya mengemukakan laporan perangkaan Rancangan Perniagaan mengenai pembuatan alat pemampat tin. Laporan ini telah disediakan mengikut arahan dan prosedur seperti yang telah ditetapkan.

Laporan ini bertujuan untuk para pelajar ITM mengetahui cara-cara dan teknik-teknik untuk memulakan dan menjalankan sesebuah perniagaan dan seterusnya menjadi usahawan yang berjaya.

Untuk makluman encik, kami memilih perniagaan ini kerana didapati bahawa ianya mempunyai potensi dan prospek yang baik di masa kini dan masa hadapan. Rancangan perniagaan ini membincangkan pelbagai aspek perniagaan merangkumi objektif, rakan kongsi, aspek pentadbiran, pemasaran, operasi dan kewangan.

Kami telah berusaha keras membuat penyelidikan bagi menyediakan laporan ini dan banyak pengalaman serta ilmu pengetahuan yang telah kami perolehi bagi menyiapkan diri untuk memulakan perniagaan.

Kami juga berharap semoga Rancangan Perniagaan ini dapat mencapai matlamat dan objektif yang telah kami pilih.

## PENGENALAN

Kami mencadangkan agar satu perusahaan baru dijalankan iaitu pembuatan pemampat tin.

Produk ini berupaya untuk mengecilkan saiz asal sesuatu tin minuman kepada saiz yang lebih kecil disamping dapat menjimatkan ruang penyimpanan atau penstoran yang dilakukan.

Ia dinamakan DENT 001 bertepatan dengan pengeluarannya yang pertama. Antara lain ialah produk ini mudah digunakan dan tenaga yang digunakan adalah tidak banyak. Ia mudah untuk diubahsuai dengan penggunaan kecanggihan alatan dari semasa ke semasa. Melihat kepada prototaip asal, produk ini boleh dipelbagaikan penggunaannya mengikut kesesuaian orang yang menggunakannya.

Bentuk perniagaan yang dicadangkan adalah pilihan. Ia boleh diusahakan secara individu atau perkongsian.

Perusahaan ini boleh diusahakan oleh orang perseorangan jika dia berupaya mengeluarkan modal yang diperlukan. Sebagai satu cadangan, adalah lebih baik jika bahagian-bahagian tertentu dalam melaksanakan projek dikontrak kepada badan-badan atau syarikat-syarikat yang tertentu. Misalnya bahagian pemasaran dan operasi. Dengan keempunyaan tunggal ini segala keuntungan atau kerugian adalah ditanggung oleh pemilik. Namun RP ini boleh dijadikan panduan.

Jika dibuat dalam bentuk perkongsian, maka adalah disyorkan perkongsian dari 2 hingga 5 orang ahli kongsi. Perkongsian tidak memerlukan bilangan yang ramai memandangkan perusahaan ini adalah perusahaan yang baru dan ia memerlukan masa untuk bertapak.

Dari segi urusan pengeluaran pula, kami mencadangkan agar ia dikeluarkan oleh kontraktor yang mahir. Kontraktor cadangan kami ialah;

En. Idris B. Ismail  
Matang Tech Servis  
Batu 14, Jln Lama Kelemak  
78000 Alor Gajah  
Melaka.

Urusan pemasaran pula diserahkan kepada pemborong yang berupaya memasarkannya. Contohnya, pekilang-pekilang. Nama pemborong yang dicadangkan ialah:

1. Nestle
2. Sime Darby
3. Harpers

Kami mencadangkan agar modal yang perlu untuk menjalankan perniagaan ini adalah sebanyak RM 35 000.

Perniagaan ini tidak memerlukan ruang pejabat yang khusus, memadai dijalankan di dalam sebuah rumah atau bilik. Ini kerana:

1. Menjimatkan kos pentadbiran dan sewa beli bangunan.
2. Urusan perniagaan yang agak ringkas.
3. Kemudahan asas telah tersedia.

Dicadangkan, perniagaan ini dijalankan pada bulan Julai 1997. Potensinya untuk berkembang adalah dijangkakan lebih tinggi kerana:

1. Tiada persaingan memandangkan ianya sejenis produk baru.
2. Dibekal dan dijual oleh pengeluar barang-barang pengguna yang sudah terkenal.
3. Peningkatan dalam penggunaan minuman tin dan perusahaan kitaran semula (recycle).